

**SYARAT PERMOHONAN DAN TATACARA PENCALONAN
PROGRAM LATIHAN BELIA MUDA DI NEGARA JEPUN TAHUN 2017
LIFESTYLE-RELATED DISEASES PREVENTION COURSE**

1. Syarat-syarat pencalonan adalah seperti berikut:

- (i) Berumur tidak melebihi **35 tahun pada 1 Januari 2017**;
- (ii) Pegawai **Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
- (iii) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan semasa pada tarikh tutup permohonan;
- (iv) Telah mengisytiharkan harta;
- (v) Mencapai Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata minimum 85% bagi tempoh genap 3 tahun kalendar yang terkini berturut-turut (2014, 2015 & 2016);
- (vi) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (vii) Tidak tersenarai dalam senarai hitam peminjam skim pinjaman pelajaran JPA;
- (viii) Tiada mengikuti kursus pendek di luar negara dalam tempoh **satu tahun** kebelakangan atau kursus panjang dalam tempoh **dua tahun** kebelakangan (**dikira dari 10 Oktober 2017**);
- (ix) Mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang baik;
- (x) Tidak mempunyai sebarang kecacatan fizikal dan mental;
- (xi) Tidak mengandungi bagi pegawai wanita;
- (xii) Keutamaan diberikan kepada pegawai yang menjalankan tugas yang **berkaitan dengan bidang kursus yang ditawarkan**;
- (xiii) **Tidak pernah berkhidmat dalam angkatan tentera**; dan
- (xiv) **Tidak pernah melawat ke negara Jepun.**

2. Tatacara Permohonan/Pencalonan

2.1 Tanggungjawab Pegawai

2.1.1 Pegawai-pegawai yang berminat hendaklah mengisi borang permohonan secara dalam talian di laman web JPA melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>. Permohonan dibuka **mulai 19 Jun 2017 sehingga 7 Julai 2017**.

2.1.2 Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun dan dicetak untuk dihantar kepada Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan masing-masing dengan disertakan bersama-sama:

- (i) Borang JPA(L)LDP 1A/96 (**LAMPIRAN B**);
- (ii) Borang Perakuan Ketua Jabatan (**LAMPIRAN C**);
- (iii) *Young Leader Application Form* (**2 salinan**);
- (iv) *Job Report* (**ANNEX**); dan
- (v) Salinan pasport antarabangsa.

2.1.3 Permohonan dengan **tanpa borang permohonan secara dalam talian, dokumen yang tidak lengkap dan tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan** tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.

2.2 Tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan

2.2.1 Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.

2.2.2 Semua pencalonan hendaklah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2005 dengan menggunakan borang **JPA(L)LDP 1A/96 (LAMPIRAN B)**. Hanya pencalonan yang disokong dan diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan sahaja yang perlu dikemukakan kepada Jabatan ini. Perakuan pencalonan mestilah dikemukakan bersama-sama **dokumen-dokumen di Perenggan 2.1.2**.